

Tingkatkan kesedaran pencarum buat penamaan waris

NST 4.1.2017 6.

KOTA KINABALU: Kepentingan membuat penamaan waris bagi wang yang dicarumkan dalam Tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah sangat penting khususnya bagi menghadapi permasalahan pada masa akan datang.

Ahli Akademik dan Penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Syahrudin Awang Ahmad berkata, info berkaitan kepentingan membuat penamaan waris bagi setiap pencarum KWSP perlu dipromosikan oleh pihak KWSP secara meluas.

"Maklumat berkaitan penamaan waris, masalah yang bakal timbul di hari esok sekiranya gagal membuat penamaan waris, dan keperluan membuat penamaan waris sewajarnya dibuat dengan lebih meluas oleh pihak KWSP.

"Hal ini adalah bagi menekankan kepentingan membuat penamaan waris bagi wang yang dicarumkan ke dalam tabung tersebut kerana masih ramai pencarum di luar sana masih belum membuat penamaan waris," katanya kepada New Sabah Times.

Menurut beliau, pencarum sendiri perlu meningkatkan pengetahuan sedia ada tentang KWSP kerana setiap bulan, gaji atau simpanan yang dicarumkan ke dalam tabung tersebut adalah satu komitmen yang dibuat bagi tujuan menjamin masa hadapan khususnya selepas bersara kelak.

"Ubah sikap yang selalu endah tidak endah tentang sesuatu maklumat penting seperti membuat penamaan waris bagi wang yang dicarumkan setiap bulan.

"Hal ini jelas adalah bagi kepentingan kita dan waris kita suatu hari kelas sekiranya terjadi sesuatu musibah kepada diri kita," jelasnya lagi.

Tambah beliau, promosi dan penerangan yang lebih terperinci dari pihak KSWP adalah perlu bagi memberi gambaran kepada setiap pencarum, khususnya pencarum muda yang baru mula bekerja atau mencarum dalam tabung tersebut.

"Promosi dan penerangan lebih terperinci perlu bagi memastikan pewaris tidak berdepan dengan masalah sekiranya terjadi apa-apa kepada pencarum tersebut.

"Bahkan, penerangan teknikal dapat di-

lakukan kepada pencarum di peringkat awal (yang mula bekerja) sama ada di pejabat KWSP atau di organisasi-organisasi yang menggajikan pekerja," tambahnya lagi.

Syahrudin berpendapat, waris yang berdepan dengan kesukaran apabila pencarum meninggal dunia tanpa membuat penamaan waris sememangnya akan berdepan dengan pelbagai kesulitan bagi tujuan pengeluaran wang caruman.

"Pihak KWSP boleh membuat promosi besar-besaran ke setiap jabatan atau agensi untuk mempromosikan kepada pencarum bagi membuat kemaskini rekod nama pewaris.

"Selain itu, KWSP juga boleh mewujudkan sistem kad pintar yang mempunyai ciri-ciri teknologi RFID yang mana semua maklumat rekod peribadi pencarum, ahli keluarga dan nama waris ada secara terperinci di dalamnya," tambah beliau lagi.

Bagi kakitangan swasta, Rodelio Junjun Taucan, 34, pencarum sememangnya wajar membuat penamaan waris dan memandang serius kepentingan hal tersebut.

"Cepat-cepatlah mendaftar nama waris kita kerana kita tidak tahu apa bakal terjadi dengan kita esok atau lusa dan saya telah mendaftar nama isteri saya sebagai pewaris wang caruman saya.

"Saya tidak ingin memberikan masalah kepada isteri dan anak-anak saya serta keluarga dan saya yakin, urusan membuat penamaan waris wang yang kita carumkan setiap bulan ini adalah perlu dipandang serius oleh semua pihak yang mencarum dengan KWSP," katanya ketika dihubungi kelmarin.

Dalam pada itu, Ketua Penolong Pengarah, Kementerian Kewangan Malaysia, Ahmad Rizal Ramlan turut bersetuju bahawa penamaan waris adalah penting bagi setiap pencarum.

"Kami kakitangan kerajaan, kami tertakluk di bawah sistem saran kakitangan awam, namun saya tetap merasakan pencarum KWSP sememangnya perlu meyedari hakikat kepentingan membuat penamaan waris," katanya. **-OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**